

Enam keluarga terpaksa pindah

Satu lagi pusat pemindahan mangsa banjir dibuka

KHAIRIL ANWAR MOHD AMIN

BAGAN SERAI - Banjir yang melanda kawasan Dun Alor Pongsu semakin buruk sehingga sebuah lagi pusat pemindahan mangsa bencana itu terpaksa dibuka di Sekolah Kebangsaan (SK) Alor Pongsu, jam enam petang kelmarin.

Difahamkan, enam rumah penduduk di Kampung Parit Simpang Empat dan Kampung Parit Simpang Lima serta tiga lagi rumah di Kampung Matang Pasir, Alor Pongsu turut dinaiki air.

Setakat jam 7 petang kelmarin, enam keluarga yang melibatkan seramai 14 mangsa terpaksa dipindahkan ke pusat pemindahan mangsa banjir.

Empat keluarga terbabit adalah dari Kampung Parit Simpang Empat, manakala dua lagi dipindahkan dari rumah masing-masing di Kampung Parit Simpang Lima.

Adun Alor Pongsu, Datuk Sham Mat Sahat berkata, kesemua mangsa terpaksa dipindahkan selepas kediaman mereka dinaiki air setinggi 0.5 hingga satu meter.

"Dua keluarga dipindah menggunakan khidmat kenderaan Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM) Bagan Serai serta Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) daerah Kerian, manakala selebihnya memilih untuk berpindah sendiri," katanya keika ditemui media selepas melawat mangsa banjir di pusat pemindahan di SK Alor Pongsu, malam kelmarin.

Turut serta, Pengerusi Jawatankuasa Majlis Tindakan Daerah Kerian, Kamaruddin Awang; Pegawai Hal Ehwal Murid (HEM) Pejabat Pelajaran Daerah (PPD) Kerian, Ahmad Fisol Shafie; Ketua Kampung Parit Lebai Kadir, Shariff Mat dan Ketua Kampung Parit Simpang Lima, Abdul Rahman Ahmad.

Sham berkata, kelengkapan se-



Penduduk kampung menaiki sampan bagi menyelamatkan peralatan rumah masing-masing.

perti tikar mengkuang, selimut dan makanan disediakan oleh pegawai JKM dan pegawai pusat pemindahan mangsa banjir bertugas untuk mangsa terlibat.

Mangsa dijangka meningkat

Walaupun keadaan banjir kini terkawal, Sham berkata, jumlah mangsa banjir yang akan dipindahkan berkemungkinan bertambah berikutan paras air Sungai Kerian semakin meningkat.

Katanya, sehingga kini, penduduk di Kampung Matang Pasir berada dalam keadaan berjaga-jaga berikutan paras air sungai semakin meningkat disebabkan hujan lebat berterusan di kawasan hulu sungai.

Beliau berkata, sekiranya keadaan semakin buruk, Jawatankuasa Tindakan Daerah yang terdiri Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Bagan Serai, Majlis Keselamatan Negara (MKN), JPAM, JKM, Rela, Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) Kerian dan polis akan mengambil tindakan pantas untuk memindahkan mangsa banjir bagi mengelakkan kejadian tidak diingini.

Sham berkata, banjir berterusan turut menyebabkan jalan utama yang

menghubungkan pekan Alor Pongsu ke Selama terputus berikutan paras air menenggelamkan jalan dan membahayakan pengguna jalan raya.

"Berikutan itu, JKR diarahkan menutup jalan utama itu bagi tujuan keselamatan.

"Manakala saya difahamkan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Kerian sedang bekerja keras untuk membaiki pulih beberapa ban sungai yang pecah akibat banjir bagi mengelakkan banjir semakin buruk," katanya.

Tanaman padi musnah

Sementara itu, banjir melanda Kampung Parit Simpang Empat turut menyebabkan kerugian kepada lebih 20 petani apabila lebih 12 hektar sawah padi di situ berisiko musnah selepas ditenggelami banjir sejak tiga hari lalu.

Wakil petani, Mohd Sufi Omar, 28, berkata, dia kini bakal menanggung kerugian lebih RM3,000 apabila sawah padinya seluas satu hektar musnah ditenggelami banjir.

"Justeru, kami mohon jasa baik Jabatan Pertanian mempertimbangkan pembayaran pampasan terhadap kerugian ditanggung kami," katanya.

Bencana itu turut menyebabkan jalan utama yang menghubungkan penduduk Kerian ke Ladang Tali Air, Sungai Bogak turut terputus apabila jalan ditenggelami air setinggi 0.5 meter.

Laluan utama tenggelam

Pengerusi MIC cawangan Sungai Bogak, V Subramaniam, 68, berkata, masalah jalan ditenggelami air bah di kawasan itu sudah berlaku sejak dua tahun lalu dan keadaan itu menyukarkan lebih 500 penduduk di situ.

Katanya, Jalan Ladang Tali Air, Sungai Bogak adalah laluan utama menghubungkan Kampung Baru,



Kamaruddin (tiga, kiri) Sham (dua, kanan) dan Ahmad Fisol melawat mangsa banjir di pusat pemindahan mangsa banjir di SK Alor Pongsu malam kelmarin.

Kampung Sungai Kerian, Kampung Sungai Bogak, Ladang Tali Air dan Kampung Sungai Semang dengan pekan Bagan Serai serta Parit Buntar.

"Sejak masalah ini berlaku, kebanyakan kenderaan penduduk rosak akibat terpaksa melalui jalan dipenuhi air setiap kali hujan.

"Masalah ini sudah dimaklumkan kepada pihak berkuasa tempatan (PBT) dan Menteri Besar Perak, Datuk Seri Zambry Abdul Kadir dan kami berharap tindakan segera diambil bagi menyelesaikannya," katanya.

Pusat periksa masih kekal

Walaupun berlaku banjir, Pejabat Pelajaran Daerah (PPD) Kerian tidak merancang untuk memindahkan pusat peperiksaan bagi calon Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) ke lokasi lain.

Pegawai Hal Ehwal Muridnya, Ahmad Fisol Shafie berkata, keadaan banjir dilihat masih terkawal walaupun Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Alor Pongsu mula dinaiki air.

"Hanya sekiranya banjir semakin buruk, barulah kami merancang membuka sebuah pusat peperiksaan

baru di Kolej Vokasional Kerian bagi memastikan calon SPM dan STPM dapat menduduki peperiksaan pada masa ditetapkan," katanya.

Projek RTB berkesan

Dalam pada itu, Pengerusi Jawatankuasa Majlis Tindakan Daerah Kerian, Kamaruddin Awang memuji inisiatif Kerajaan Pusat melaksanakan projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) merangkumi lembangan Sungai Kerian sejak tahun lalu.

Kamaruddin yang juga Pegawai Daerah Kerian berkata, pelaksanaan projek mega itu terbukti memberi kesan positif kepada rakyat Kerian apabila beberapa kampung diklasifikasikan sebagai kawasan mudah banjir seperti Kampung Selekoh didapati masih terselamat dari bencana itu.

"Selain itu, paras air di Kolam Bukit Merah juga masih direkodkan pada bacaan paras air selamat di mana hanya satu pintu empangan dibuka setakat ini.

"Berdasarkan kesan dilihat ketika ini, saya percaya risiko banjir di daerah Kerian dapat dikurangkan ke tahap optimum sekiranya projek RTB siap sepenuhnya kelak," katanya.



Jalan Alor Pongsu-Selama ditenggelami air.